



Nyanyian Hati

Rodier

Download now

Read Online ➔

Nyanyian Hati

Rodier

Nyanyian Hati Rodier

I jatuh cinta pandang pertama pada you. ~ Adam Danial

Macam mana you boleh jatuh cinta dengan orang yang you belum kenal? ~ Ainul Raudhah

Ainul Raudhah atau Ain seorang gadis periang yang tidak pernah bercinta, mempunyai fikirannya sendiri, selamba dan suka mendengar lagu-lagu rock apabila tertekan. Perlahan-lahan, Ain mula merasai perubahan pada hatinya dengan Adam Danial atau Danny yang tenang dan ikhlas menyayangnya.

Namun, belum sempat mereka bersatu, Danny tiba-tiba dijemput Ilahi. Ain nanar sendiri. Danny yang diharapkan menjadi peneman ke akhir hayat kini tiada lagi di sisi.

I nak berubah ke arah yang lebih baik, dengan you di sisi. I akan pastikan you bahagia. ~ Iskandar Benjamin

Iskandar, sahabat baik Danny hadir menghulur kasih, kerana janjinya pada arwah Danny. Perlahan-lahan, Ain kembali bangkit meneruskan hidup, mengenal erti cinta. Setelah berkahwin, perlahan-lahan Ain mula menyayangi Iskandar.

Namun, hubungan mereka diuji apabila Ain tau rahsia di sebalik lamaran Iskandar. Benarkah perkahwinan itu hanya kerana sebuah janji? Apakah yang Iskandar pendamkan sebenarnya?

Nukilan **RodieR** ini mengajar kita apakah erti cinta yang sebenarnya dalam bahasa yang santai dan selamba. Bacalah kisah ini, semoga *Nyanyian Hati* Danny, Ain dan Iskandar mampu kita senandungkan bersama.

Nyanyian Hati Details

Date : Published February 4th 2013 by Jemari Seni Sdn Bhd

ISBN :

Author : Rodier

Format : Paperback 543 pages

Genre : Novels

 [Download Nyanyian Hati ...pdf](#)

 [Read Online Nyanyian Hati ...pdf](#)

Download and Read Free Online Nyanyian Hati Rodier

From Reader Review Nyanyian Hati for online ebook

Puteri Novella says

Novel nie buat emosi pu3 tunggang terbalik...menangis ketika Danny meninggal dunia...kita manusia selalu take for granted...bila dah tak ada baru mencari...baru menghargai...novel nie memberi keinsafan yang begitu mendalam kepada pu3 sebagai hamba Allah yang kerdil nie...sangat molek membaca novel nie ketika bulan Ramadhan nie...ingatkan depan je menangis, hati sebak...rupa-rupanya kat belakang pun sebaknya hati...ohhh...suka Red dan Ken walaupun jika digabung akan membentuk satu jenama shampoo...tapi i like it...pengakhiran yang best...apa pun suka novel nie...

Ririn says

3.5 bintang

15 Disember 2013

Buku ni dah baca berbulan yang lepas. Bila tengok balik berapa rating yang diberi, terkejut. Ehh...kenapa letak 3 jer? (Boleh pulak terkejut dengan rating sendiri!Hehe). Hmm...sebabnya penulis dah membuatkan saya terjatuh cinta dengan Danny. Jadi saya masih lagi berasa sedih walaupun dah habis baca (sampai sekarang saya masih berasa sedih terkenangkan Danny).

Bagi saya, ini sebenarnya adalah novel yang baik. Bahasanya tersusun (ini kriteria utama saya) walaupun jalan ceritanya agak klise. Dan novel ini merupakan antara novel yang berjaya membuka hati saya untuk kembali membaca karya berbahasa Melayu (beberapa tahun sebelum ni cuma novel2 Hlovate saja karya Melayu yang saya baca), yang berjaya membuatkan saya menghabiskan bacaan 'in one sitting'.

Bila dinilai semula, saya rasa patut ianya diberi 4 bintang. Tetapi saya tolak juga setengah sebab Danny...

Ida says

Nyanyian Hati...

Tajuknya mengungkap seribu makna yang tersirat dan tersurat. Ada magnet yang berjaya menarik minat Ida untuk membeli dan membaca naskah ini pada pandangan mata yang pertama.

Sanggup potong barisan semata- mata nak memulakan pembacaan sebaik sahaja tiba.

Danny a.k.a Muhammad Adam Danial Hakim jatuh cinta pandang pertama sejak pertama kali terpandang seorang gadis.

Ainul Raudhah a.k.a Ain, ahli farmasi yang disayangi ahli keluarganya. Seorang gadis yang 'unpredictable' orangnya. Amat gemar mendengar lagu-lagu OneRepublic dan juga Linkin Park. Ms Rockstar rupanya walaupun hati mencoretkan puisi setiap kali down.

"All Fall Down"

Step out the door and it feels like rain
That's the sound (that's the sound) on your window pane
Take to the streets but you can't ignore
That's the sound (that's the sound) you're waiting for

If ever your world starts crashing down
Whenever your world starts crashing down
Whenever your world starts crashing down
That's where you'll find me

Yeah God love your soul and your aching bones
Take a breath, take a step, meet me down below
Everyone's the same
our fingers to our toes
We just can't get it right
But we're on the road

If ever your world starts crashing down
Whenever your world starts crashing down
Whenever your world starts crashing down
That's when you find me.

(Yeah) Lost till you're found
Swim till you drown

Know that we all fall down
Love till you hate
Strong till you break
Know that we all fall down

If ever your world starts crashing down
Whenever your world starts crashing down
If ever your world starts crashing down
That's when you'll find (find) me

Lost till you're found
Swim till you drown
Know that we all fall down
Love till you hate
Strong till you break
Know that we all fall down

All fall down, we all fall down, all fall down
We all fall down, all fall down, all fall down

Lost till you're found
Swim till you drown

Know that we all fall down
Love till you hate
Strong till you break
Know that we all fall down

Keduanya Danny dan Ain dipertemukan oleh Abang Ain yang sememangnya sedar akan kewujudan Danny yang menaruh perasaan terhadap adiknya.

Bermula detik indah dan santai antara Danny,Ain,Iskandar,Alif dan isterinya serta Mia,adik Iskandar. Tertarik dengan garapan penulis tentang kisah persahabatan antara mereka.

Danny dan Ain sama-sama menyimpan perasaan indah antara satu sama lain. Apabila Danny ingin mengorak satu langkah ke hadapan dalam perhubungan mereka,terjadi peristiwa yang menyentak jiwa yang memisahkan mereka dalam dunia yang tidak memungkin mereka bersama selamanya.

Dan disini ada Iskandar Benjamin a.k.a Is,lelaki kasanova yang tidak pernah sekalipun mengucapkan kata cinta buat teman teman wanitanya. Alasannya amat mudah, beliau belum bertemu gadis yang layak untuk mengungkapkan kata keramat itu.

Oh Ida amat menyukai karektor Is didalam novel ini. Seorang lelaki yang amat jujur dalam persahabatan. Seorang abang yang sangat prihatin terhadap adik-adiknya. Seorang lelaki yang berpegang pada janji walaupun janji itu memakan hatinya sendiri.

Apabila Red dan Ken bertemu,terdapat aura yang kuat antara satu sama lain. Amat comel sebenarnya mereka berdua ini.

Novel ini banyak pengisian yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Tentang cinta,tentang kehilangan dan melepaskan insan tersayang,tentang persahabatan dan kekeluargaan,tentang kasih dan sayang antara manusia dan terhadap Allah swt dan tentang keredhaan pads setiap kejadian yang telah ditetapkan olehNYA. Yang pasti tentang lagu dan musik yang universal,yang tidak semestinya melalaikan. Dan Ida suka setiap lagu yang digarapkan didalamnya. Bait bait liriknya menyentuh jiwa.

Secara keseluruhan,Ida bagi markah penuh buat penulis NH,RodieR kerana berjaya menterjemahkan apa yang cuba disampaikan melalui naskah Nyanyian Hati. Novel yang ditulis dengan begitu teliti dan mengambil masa bertahun-tahun untuk disiapkan.

Tahniah dear Writer because I've gain a lot from your novel. Superb writing and plot altogether.

Your English is brilliant and i've learn a lot to improved my English. How I wish I can hear Ashes Of Life someday.

ASHES OF LIFE

"There's a truth that lies,
In the eyes that look straight to you,
There's a reason that lurks,
Behind the corner of every glance,
There's a moment in time,
When you feel the ground is breaking,
And you're shaking,

As you're remembering,
c/o
the time in your life,
when nothing is everything,
the time in your life,
when something means anything,
taking turn,
haunting you,
until it burns,
and down they go,
the ashes of life...
There's a memory that feels,
Like it is worth remembering,
There's a dream that makes,
it hard to let it go- so hard,
Yet the moment still comes,
When you feel the ground is breaking,
And you're shaking,
As you're remembering,
repeat c/o
The ashes of life,
Carried away by the wind,
And you have nowhere else to turn to,
Except to Him.'

~RodieR~
'08 ~ '12

And for this lovely novel,i thank you,deep from my heart. You gain one fan and one friend in me.

A Chance * by RodieR ~ Nyanyian Hati ~ page 44-45

Once,
I used to live in the dark,
A flicker of light,
Came stealing in,
I closed my eyes,
And it's gone,
I bit my lips,
And move on.

Then,
I stayed in the dark,
A shot of light,
Came washing in,
Too strong,too bright,
I closed my eyes,
Willed it away,
And it's gone,

I bit my lips,
And move on.

Now,
I'm no longer in the dark,
As a stray of light,
Comes shining in,
My eyes refuse to close,
The light stays there,
Shining bright,
Neither hurting,
Nor fading,
And I let it in,
Give it a chance,
'Cos that's how I want to move on,
With you.

Bummer!

Poem that I like in Nyanyian Hati by RodieR terbitan Jemari Seni bulan Februari 2013..

Along Norhamira says

Tentang persahabatan.

Tentang pengorbanan.

Tentang kematian.

" Everything in this world is lend to us, not given "

Betul la kan. Hidup ini dan semua isi dunia dan rezeki yang Allah bagi kat kita tu semua pinjaman. And when the times come, Dia akan ambil balik, dan sebagai hamba kita kena bersedia untuk redha.

Keluarga yang menyanyangi
Kawan sahabat yang selalu bersama through our ups and downs
Rezeki pekerjaan
Anak2 penyejuk mata penawar hati
etc....
It's all lend to us, by HIM.

Buku ni juga pasal lagu, sesuai dengan tajuk dia, Nyanyian Hati.

Melakar Cinta Di Pintu Syurga
I'm Yours
Linkin Park Songs

So, pembacaan aku jadi slow skit sebab duk repeat ulang dengar lagu2 tu untuk tambah feel. haha.. But, serius buku ni sangat menarik and lain dari yang lain. And for sure, Rodier also will be my favorite author, boleh berdiri sama level macam Hlovate and Kak Noor Suraya.

Ada terbaca Rodier ada komen dekat salah satu review dekat Goodreads ni, kisah Danny ada diselitkan dalam antalogi cerpen Kerana Dia, Ratu Sehari, so gigihla aku selongkar balik rak buku nak baca kisah Danny, haha tak boleh move on betol la. ?

So as the conclusion, this book is really great. Superb. Lain dari yang lain. Smooth. Highly recommended to those yang tak nak baca buku yang jiwang terlebih gula, walau ada jugak unsur cinta diselitkan dalam cerita ni.

p/s : gigih sangat la nak rekomen buku ni kat orang, padahal aku la yang terlambat baca. kehkeh. cau

Hajar says

Mula-mula baca buku ni memang kita akan Ingat Adam Danial (Danny) itulah yang akan jadi pendamping Ainul Raudhah (Ain). Tapi rupanya....

Danny bertemu Ain sewaktu jadi jurugambar majlis perkahwinan Abang Long Ain. Dua tahun memendam perasaan, akhirnya Danny memberanikan diri bertemu Ain dengan 'restu' Abang Long Ain. Bukan mudah nak mendekati Ain ni. Melalui Danny juga Ain mengenali kawan-kawan rapat Danny termasuklah Iskandar Benjamin (Iskandar), abang angkat yang juga merangkap kawan baik Danny.

Hubungan mereka berjalan lancar. Ain juga dah mula menerima kehadiran Danny dalam hidupnya. Namun, belum sempat mereka menaiktaraf hubungan mereka ke peringkat seterusnya, Danny sudah dijemput pergi. Masa ni saya yang sebak. Sobs. Memang payah Ain nak melalui fasa kesedihannya tu. Mujurlah kawan-kawan Danny banyak beri sokongan untuk Ain.

Iskandar juga turut berasa bertanggungjawab untuk mengubati kesedihan Ain. Atas rasa tanggungjawab dan janjinya kepada Danny, Iskandar melamar Ain. Perkahwinan mereka perlahan-lahan membawa Ain menerima hakikat kehilangan Danny dan menerima Iskandar sebagai suaminya. Cuma yang tak seronoknya bila Ain dapat tahu rahsia yang disimpan oleh Iskandar selama ni. Benarkah Iskandar menikahi Ain hanya semata-mata kerana janjinya pada Danny?

Komen saya: Jalan cerita ni memang simple. Cuma pengisiannya sangat banyak dan berguna untuk orang yang selalu lalai macam saya ni. **Rasa macam kena ketuk dengan tukul.** Lumrah manusia, bila susah, bila ditimpa musibah baru kita ingatkan Allah. Sedangkan sebenarnya segala nikmat yang diberi tak kira gembira atau duka semuanya adalah ujian buat kita. Nak uji sama ada kita akan sentiasa ingat Dia atau tidak. Hmm, saya tertarik dengan ayat Iskandar Benjamin ni - *everything in life is lent to us, not given*. Kena ingat selalu tu. Walau macam mana pun kita menidakkan, hakikatnya, suatu masa nanti segala yang di'pinjam'kan itu harus dikembalikan kepada Pemiliknya. Cuma antara bersedia dengan tidak ajelah kan? Apa pun, terima kasih dan tahniah buat penulis atas kelahiran karya sulungnya ini. Mudah-mudahan usaha untuk 'berkongsi' itu tak terhenti setakat ini. :)

Ras says

Buku yang bermanfaat dan penuh pengisian ilmu tentang hakikat kematian, kasih sayang, persahabatan dan hubungan sesama manusia.

Aku suka dengan watak Is. Walaupun sudah memiliki Ain dia tetap menghormati kehendak Ain dan tidak pernah mahu mengambil kesempatan. Kasihan Is, sampai gila nak dekat dengan Ain tapi bersabar. Hahaha. Ain pulak lagi lah jujur. Terus tanya Is kenapa tak nak tidur dengan dia lagi?Kikiki.. Is dan Ain sungguh 'sweet'.

Tie Tinie says

Done this book on 2:48am~17/2/2013..

alhamdulillah selesai juga pembacaan novel ini... hampir 2 minggu tertangguh kerana kerja2 yang menimbun... dengan cuti lagi... hehehehe...

Jadi Nyanyian Hati... dah selamat khatam..

Nyanyian hati... sebuah cerita yg lain dari yg lain... lari dari kebiasaan sebuah cerita kahwin paksa... Dalam muzik ada pengajaran... dalam muzik ada peringatan... dalam muzik ada cinta, dalam muzik ada kasih sayang... x semua muzik itu melalaikan... bak kata penulis.. lagu2 Likin Park ada masud tersirat... meaningful... bukan hanya rock semata2...

tahniah buat penulis... Nyanyian Hati berkongsi segala rasa... bahagia, gembira, sedih, suka, duka, kasih sayang.. semua diadun dgn cukup sempurna.. Seolah2 kita turut merasai setiap yg terjadi... menyelusuri kisah Persahabatan & Cinta yg tidak tersasar dri landasannya... gaya bahasa yg sangat bersahaja, simple.. dan juga bahasa english yg sangat bagus...

u All's... harus baca cerita ini.. insyallah pasti kalian takkan menyesal.. pasti kalian takkan rasa rugi...

MEMBACA DENGAN HATI.... MENILAI DENGAN AKAL....

PASTI KALIAN PEROLEHI SESUATU... INSYALLAH...

Happy reading....

Cik Pah says

Nyanyian Hati

2 tahun memendam rasa, akhirnya Danny mendapat izin dari abang sulung gadis pujaan hati untuk bersua muka. Bukannya tak dapat restu, tapi si gadis masih belajar. Jadinya abang long tak nak si adik bercintan cintun waktu belajar. Nasib baik juga Si Ainul Raudhah tak de sesiapa yang boleh diisytihar sebagai boyfriend kecuali secret admirer yang berlalu begitu sahaja dalam hidupnya di zaman belajar. Best kan ada abang kandung. Boleh jaga adik. Hubungan adik abang yang dipotretkan sungguh akrab. Jelesnyaaa.

Gambar yang tersenyum teghesin sampai nampak semua gigi tu juga yang Danny suka. Ain, fotogenik dan unik dalam kategorinya yang tersendiri. Ain yang tak pernah bercinta pula agak terkejut dengan pengakuan Danny. Hatinya yang tak pernah diserahkan kepada sesiapa agak berat dan takut untuk lalui zon percintaan. Mereka bermula sebagai kawan dan Danny dengan sabar meledani Ain sehinggalah Ain selesai dengan

kehadirannya. Gentleman kan. Tak de paksaan. Apa yang Ain rasa tu dikisahkan dengan begitu baik oleh penulis. Itu yang semua orang rasa kot masa mula belajar dunia yang satu tu. Takut untuk menyerah hati. Takut tersalah letak. Takut tak serasi. Takut tak kesampaian. Kisah ini seperti gubahan banmal song http://youtu.be/A2wN_Z2LQk0

Berkongsi minat dan hobi yang sama. Satu kebetulan? Aha teringat lagi couple Yongseo semasa Ain dan Danny gubah lirik Ashes of life. (Asyik2 couple tu je Cik Pah bagi contoh. Haha. Bukannya tak de couple lain, yang tu je Cik Pah layan sebelum pelan-pelan meninggalkan aktiviti menghadap KDrama/Variety Show). Sweet couple. Lirik yang Danny buat dibantu Ain mengingatkan pasal kematian. Seperti memberi hint masanya telah tiba. Danny, umurnya tidak panjang. Masih banyak impian yang tidak tertunai termasuk menjadi imam buat Ain. Sedih sekali.

Tapi pemergian Danny menyedarkan orang yang ditinggalkan. Mendekatkan diri kepada Allah. Keinsafan yang dipertaruhkan dengan pemergian Danny. Iskandar, sahabat dan abang angkat yang ditinggalkan amanah untuk menjaga Ain adalah orang yang turut menyimpan perasaan terhadap Ain. Ain yang cuba move on akhirnya menerima perkahwinan dengan Iskandar, lelaki yang dia kenali sebagai Ken dan lelaki yang sering berperang mulut dengan dia sewaktu Danny masih hidup. Red gelaran buat Ain dari jejak yang tak kurang nakalnya, romantiknya, caring, kacau seperti Danny. Bahagiakah perkahwinan tanpa rasa cinta?

Banyak falsafah, hadis, terjemahan AlQuran, lirik lagu tentang kehidupan, kematian, percintaan yang dikongsi dalam novel ini. Menarik dalam mengingat dan mendidik jiwa pembaca.

P/s: Genu, dalam kenangan. Novel ini sesedap rasa Maggie Ketam Kuala Dungun, yummy :)

heril azwan says

Cinta pandang pertama Adam Danial aka Danny kepada Ainul Raudhah aka Ain sudah lama di pendam, sejak melihat Ain di majlis perkahwinan Abang Longnya. Selepas 2 tahun, barulah Danny mendapat green light untuk berkawan dengan Ain. Namun, perancangan Allah mengatasi segalanya. Danny pergi buat selamanya, dan Iskandar, kawan baik Danny aka abang angkat Danny menghulur kasih. Ain yang Is gelarkan sebagai Red, mampukah menerima Is menggantikan Danny?

Finally, berjaya habiskan buku ini! Sarat dengan pesanan, nasihat, detik indah dan romantik yang tidak terlalu try hard membuatkan saya begitu berhati-hati tatkala membaca, tidak mahu meninggalkan stau babak pun.

Perhubungan Danny dan Ain yang sentiasa menjaga batas, namun masih terasa romantiknya. Tetap ada sweetnya, dengan cara tersendiri. Perhubungan yang berkembang mekar, siapa sangka tidak kesampaian. Diakui, sepanjang perhubungan mereka, terasa indah dan sangat berharap agar mereka kekal. Suka dengan keserasian antara Danny dan Ain, menjadi dan sangat hidup.

Iskandar, walaupun sesejuk salji namun ada rasa yang tersimpan. Permulaan, tidak terasa keserasian antara dia dengan Ain, namun semakin lama semakin nampak kesungguhan Iskandar dalam memenangi hati Ain. Sungguh, sangat terharu dan sweet dengan cara yang sangat menjaga adab.

Apa yang saya suka dalam buku ini (dan kebanyakan buku-buku JS lain) adalah keakraban orang-orang

disekeliling Ain, Danny, dan Iskandar, yang sentiasa menyokong, tidak saling menjatuhkan malah tetap teguh antara satu sama lain. Malah, watak-watak rakan serumah Ain juga begitu. Terasa bertuahnya Ain dikelilingi orang-orang yang baik, dan tidak hanya mengambil kesempatan.

Dan, bait-bait sajak Ain dan Danny seakan-akan berkumandang sepanjang pembacaan, diringi lagu-lagu kesukaan mereka seperti All Fall Down (One Republic) dan Melakar Cinta di Pintu Syurga (Far-east), sebelum ditutup dengan bait-bait Ashes of Life.

Rinn Ramli says

Nyanyian Hati.

Muzik dan lirik banyak menggerakkan kisah ini.

tapi ia bukan kisah muzikal.

muzik dan lirik dijadikan medium untuk menggerakkan watak, blend them in.

Kita lihat ikatan terbina jika kita menghayati muzik dan lirik dari sudut yang positif.

Karya pertama yang sangat baik dan berkesan.

kasih sayang Adam Danial - Ainul Raudhah dan Iskandar - Ainul Raudhah dibina penulis bermula atas dasar persahabatan. Friendship lasts forever.

Setianya Iskandar pada persahabatan membuat dia berlawan dengan kehendak hati sendiri yang sudah jatuh hati pada Ainul Raudhah.

Kisah yang menyentuh hati dan sangat memorable.

Blurb menceritakan titik kejutan kisah ini so melenyapkan elemen of suspense dlm cerita

Kalau tak disebabkan Kamaliah, rasanya aku akan lebih banyak menangis membaca kisah ini. oh, kamaliah bukan watak dalam citer ni. Dia dan kawan2nya tiba2 muncul dalam whatsapp ketika aku gigih menghabiskan kisah ini. Abaikan mereka... HEI!! APERSAL KORANG MASUK DALAM REVIEW AKU *tarik rambut*

:P ahahaha konflik jiwa aku!

sure fine whatever

Rinn

S says

karya pertama penulis. satu lakaran kisah kehidupan yang dioleh dlm bahasa yg cukup indah. pada saya temanya lbh kpd satu janji dalam perhubungan. dlm perhubungan bukan hanya ada cinta, kasih dan sayang. ada byk lagi perasaan yg boleh digambarkan bila dua hati menjd satu.

Ya, dgn janji cinta itu terbit tanpa dipinta w/pun pertemuan pertama sudah ada getaran yang melanda jiwa Iskandar. Ainul Raudhah. Red nama gelaran dan kerana 'bengang' digelar begitu secara spontan luncur frasa "ken" utk Iskandar.

saya amat tertarik dgn kisah ini kerana lain dari yg lain. bukan lagi kisah kahwin paksa, ganti atau sebagainya. tapi, kisah yg ada perasaan tp terpaksa dipendam kerna hormat dan sayangnya dia pada Danny yg menjd sahabatnya dari kecil. sanggup berkorban apa saja. kesucian ikatan persahabatan itu digarap dengan bahasa yg cukup indah.

walaupun membaca kisah ini, sudah diketahui jln ceritanya tp susunan plot, olahan watak membuatkan kita terbuai didalamnya. seakan sukar untuk berhenti kerana kita mahu terus menyelami perasaan Iskandar dan Ain setelah bergelas suami isteri. walaupun ketika ini cara mereka agak tipikal (spt dlm watak2 novel yg lain) tp ianya digarap dgn baik agar kita sbg pembaca tidak bosan.

Ainul Raudhah, cekal diluar tp didalam hati penuh kelembutan. Gadis yang kehilangan insan yg tersayang ketika cuba utk memujuk perasaan pada dia (Danny). Saat kasih tak sampai dirinya hampir tenggelam dek hambatan perasaan yang terlalu kecewa. lalu, datang Iskandar menghulur tangan, ingin membawa diri kepuncak bahagia tanpa tahu apa disebaliknya.

salah sangka kadangkala boleh membuat rumahtangga yg bahagia runtuh. apa yang dipandang oleh mata tak semestinya benar, apa yg terasa dihati tak semesti pasti. yang paling penting dlm ikatan ini, adalah terus terang dan jujur pada pasangan.

walaupun pengakhirannya indah tapi hayatilah setiap bait yang penulis tintakan disini tentang kematian. Mati itu pasti!

tahniah kepada penulis atas hasil naskah yg cukup baik. teruskan berkarya!

Hamidah says

Dah lama juga saya tidak menangis teresak2 (aduhai, baca novel pun boleh leleh leleh) membaca novel. Sebelum-sebelum ni hanya setakat menitiskan air mata setitik dua :)

Beberapa kali juga saya membaca satu ayat, berhenti sambil cuba menahan dari tidak menangis dan ada bahagian-bahagian yang saya terpaksa berhenti untuk beberapa lama bagi menenangkan hati agar tidak terus hanyut bersama watak2nya yg sedang bersedih

Bahasanya amat menarik pada pandangan saya dan langsung tidak membosankan yang membuatkan kita ingin terus membaca dan kadang2 terasa yang kita juga berada di situ menjadi salah satu watak.

Buku ini menceritakan tentang kisah Ain, Danny dan Iskandar. Kisah tentang persahabatan dan juga kematian, yang banyak membawa pengajaran kepada kita. Bagaimana kesetiaan seorang sahabat dan juga rasa kehilangan apabila kematian menjemput salah seorang dari mereka.

Ada kalanya ceritanya juga membuatkan kita tersenyum dengan ayat-ayat selamba dari watak-watak tersebut dan yang paling saya suka penggunaan bahasa Inggerisnya yang menarik.

Ini sebahagian dari cerita tersebut yang boleh dibaca

"Abang Long dah tergelak kecil, bangun berjabat tangan dengan lelaki itu. "Danny, kenalkan, my wife Najiha, and my blushing sister, Ainul Raudhah, Ain."

Dia dah memanjangkan kaki nak menendang kaki abangnya di bawah meja, tapi tak sampai. Cet!

Kak Jee dah senyum pada si tuan punya badan yang bernama Danny tu, namun Ain masih lagi tak berpaling muka.

"Ain?" Suara Abang Long dah tak tertahan nak gelak.

Dia berpaling sekilas, senyum lagi. "Hai."

Abang Long gelak juga akhirnya. "Tu je la gamaknya yang boleh terkeluar. Tadi tak sabar sangat. Duduk la, Danny." Serentak Abang Long duduk, Ain memanjangkan kaki lagi dan menendang betis abangnya. "Adoi! Ain!"

Danny yang baru melabuhkan punggung di sebelahnya ikut ketawa. "I better watch myself for that." Dia dah menjarakkan sikit kerusinya dari kerusi Ain.

Cet, hantu sakat jugak mamat ni! Jelingan maut diberikan pada lelaki itu tanpa sedar.

"Watch for what?" Soalan itu pun dikeluarkan tanpa sedar, tajam. Serentak dia menggigit lidah. Ain, jangan nak buat perangai budak-budak depan dia la!

"Ain!" serentak Abang Long dan Kak Jee bersuara. Mereka ketawa akhirnya.

Lelaki itu berpaling merenung Ain. "Lama cuti?"

Ain geleng. "Weekend je. Esok nak balik dah." Dalam dengar tak dengar dia menjawab. Boleh tahan selamba mamat ni, aku pulak yang dah tak tau warna apa dah muka ni.

ms 22 dan 23.

Boleh baca di sini untuk kisah selanjutnya

<http://www.jemariseni.com/images/stor...>

Saya beri 4 bintang untuk kisah yang menarik ini yang mana gaya ceritanya mengingatkan saya pada gaya penulisan hlovate.

kuzzeen says

Bukan setakat mata berjalan (ketika membaca), tangan bergerak (menyelak helaian), hati berdetak (macam naik cyclon kat USS).....tapi yang penting akal terus 'bernyawa' bersama NYANYIAN HATI.....

Seriously, segalanya serba lengkap. Mungkin ceritanya typical novel biasa, tapi cara olahan plot, penjelmaan watak, mainan rasa..... serba kena.

DAN.... novel pertama yang buat aku 'hujan' tanpa disedari biarpun helaian terakhir dah lama ditinggalkan.....

DAN LAGI.... ini bukan novel kosong, banyak pengisian dalamnya, cuma mungkin cara pembaca 'memandang' sesebuah cerita itu berbeza.

DAN LAGI..... bacalah dengan mata hati.....

Farah Husain says

This is an overdue review. I've finished this book 19.2.2013 but for some reason unknown, every time I tried to write a review about it, I'll end up reading the book again. So here goes...

Nyanyian Hati adalah buku ke-3 dalam tahun 2013 yang saya baca without skipping a page. And that is a huge thing for me. I'm picky when it comes to reading a novel. Kalau sepuluh mukasurat terawal dah buat saya heh? Err? Erk? What in the world? jawabannya memang akan saya simpan sahaja novel itu di rak buku. Tetapi Nyanyian Hati buat saya hurmmm...Damn! Wah! Wow! Not bad... Jadi saya teruskan pembacaan hingga ke mukasurat akhir. And the book did not fail me, at all. And for that reason alone, I'm giving it 4* to the writer. I can't give it a perfect 5 because of one tiny reason.

So, here are my thoughts on Nyanyian Hati...

Beautiful

Brilliant

Amazing

Sweet

Sad

Heart wrenching

Honest

Meaningful

Those are the words that keep on floating in my mind the moment I closed the books.

Tentang cerita: Nyanyian Hati berkisar kepada kehidupan seorang pharmacist, Ainul Raudah a.k.a Ain. Ia tentang cinta pertamanya dengan Adam Danial a.k.a Danny yang tidak kesampaian bila Danny diambil kembali sang Penciptanya. Tentang cinta kedua Ain dengan Iskandar Benjamin a.k.a Ken yang terikat dengan janjinya pada Allahyarham Danny. Tentang persahabatan mereka bertiga. Tentang janji. Tentang muzik. Tentang hidup. Tentang mati. Reading Nyanyian Hati will make you appreciate life. Ia akan buat kita lebih beringat tentang hidup dan mati. Ia mampu buka mata sesetengah orang yang menganggap loud music are bad. It will make you realize, that we, the human being, the servant of Allah, have nothing in this world. What we have are lend to us by HIM. All that we have belong to HIM and HIM alone. And when the time comes, HE will take it back and we have to accept it willingly. Redha dengan semua yang terjadi.

Tentang style of writing: Saya suka cara penyampaian penulis yang bersahaja. Bahasa mudah tapi masih terjaga tertib tatabahasanya. The English phrases were good. The grammar is meticulous. But then again, Jemari Seni never fails me when it comes to language. Baik Bahasa Melayu atau Bahasa Inggerisnya. Bravo to that!

The tiny reason why I couldn't give it 5*... The synopsis. Why...oh why does Jemari Seni have to mention about Danny's death? Big time spoiler! But other than that, this novel is highly recommended to those who are looking for something other than kahwin-paksa-ganti-kontrak kind of story. Heh!

To RodieR, thank you for Nyanyian Hati. Semoga terus dikurniakan ilham untuk menghasilkan karya yang lebih baik lagi. May Allah Bless you, adik.

p/s: my favourite quote in the book 'Setinggi mana pun bangunan yang dibina manusia, takkan boleh mencapai Arasy Allah'. Ya. Apply this in your daily life. Sehebat mana pun kita rasa diri kita, Allah itu lebih hebat dari segala-galanya.

Wan Farahana says

Alhamdulillah selesai...

Alhamdulillah ini buku ke 50 saya baca untuk tahun ni dan alhamdulillah juga berjaya capai target 50 buku untuk tahun ni :)

Ok..review..

Saya sangat suka buku ni. To be honest, saya pernah pegang buku ni waktu tak salah saya awal2 tahun dulu tapi tak beli sebab saya tajuk dia tak menarik minat saya..my thought was tajuk pun dah nyanyi2..ada pengisian ke buku ni..
Allah..benarlah kata penulis buku ni don't judge building by its structure.. :)

Malu saya sbb underestimate buku ni hanya dengan title nya sahaja..

Saya mula tertarik nak beli buku dengan, well 2 hari lepas..hehe lepas baca reviw dari cik ririn..lepas baca review dari yg lain yang kebanyakan menyatakan buku ni penuh dengan pengisian. Maka, semalam sy beli dan hari ni selesai baca..antara buku yang mampu menarik saya membaca dari muka pertama sehingga akhir dalam satu hari shj :)

Okay, lets review...

Kisah mengenai seorang gadis bernama ainul raudhah yang di minati oleh seorang adam danial secara diam2..love at first sight..sanggup menunggu sehingga 2 tahun sebelum dia confess his love towards that girl.

Sebelum sempat danny melamar ain, dia di jemput ilahi pulang. Meninggalkan cincin dan 'ashes of life' kepada ain.

Dalam merawat luka ditinggalkan danny, Iskandar muncul membawa lamaran untuknya.

Ain menerima tapi disebalik lamaran itu rupanya ada rahsia di antara danny dan iskandar.

Ketika menyemai bahagia, rahsia yang disimpan diketahui ain dan berlaku konflik antara ain dan iskandar.

Lompat ke pengakhiran..happy ending..hehe

Kata red a.k.a ain(gelaran di beri oleh iskandar kepada ain sebab muka ain senang merah)
"When i fall in love, i'll take my time, there's no need to hurry when i'm making up my mind"

Kata ken a.k.a iskandar (ain gelar sbb boyfriend barbie which is saya tak faham part ni.hehehe)
"I tengah cuba untuk brrubah. Untuk jadi seorang yang lebih baik. There's no other person i want by my side to help me do that besides you"

Kata adam daniel
"It's way of seeing life..and finding the true reason of living. We have regrets in life, sure, we have memories, but we also have to move on"
"Keep your promise, is"

Kata saya
Saya sangat terkesan dengan cara red dan ken move on in life. Mengambil dari segi positive side yang Allah takkan menguji hamba di luar kemampuan mereka. Pemergian danny hanya asbab untuk mereka mengenal Allah dengan mendalam.

Setinggi mana bangunan pun takkan sampai ke arasy Allah. Tak perlu ke tempat tinggi untuk berdoa supaya Allah makbuljan doa kita. Cukup setakat kita ikhlas dan bersungguh untuk berdoa walau dimana kita berada Allah pasti mendengar..

Sesekali saya agak terkesan dengan gaya penulisan penulis..ada iras2 gaya penulisan hlovate.. :)

Good job penulis!
